



KETUA PENGARAH
PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000
Laman Web : www.planmalaysia.gov.my
E-mel : alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami: JPBD(IP)185/656/22(6)

Pekeliling Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
Bilangan 5 Tahun 2022

PENYELARASAN PENGGUNAAN GELARAN JAWATAN
KETUA PENGARAH

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta penyelarasan penggunaan gelaran jawatan Ketua Pengarah.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012] telah menetapkan "**Ketua Jabatan**" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya, dan sesuatu jabatan itu termasuklah-

- (a) sesuatu Kementerian;
- (b) sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan;
- (c) sesuatu Jabatan Persekutuan di luar negara; dan
- (d) mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Manakala, "**Ketua Perkhidmatan**" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan atau mana-mana pegawai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Perkhidmatan.

3. Subseksyen 2B(1), Akta 172 juga menetapkan bahawa fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa adalah –

- (a) untuk menjalankan, menggalakkan dan menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek perancangan bandar dan desa;
- (b) untuk menyiarkan laporan, buletin, perangkaan, monograf dan terbitan lain yang berhubung dengan perancangan bandar dan desa dan perkaedahnya;
- (c) untuk memberikan maklumat dan pendidikan kepada orang ramai berkenaan dengan perancangan bandar dan desa;
- (d) untuk membuat laporan kepada dan menasihati Majlis mengenai perkara yang berkaitan dengan penggunaan perancangan bandar dan desa dalam pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah di dalam negara dan mengenai apa-apa pindaan yang difikirkannya wajar kepada mana-mana undang-undang yang menyentuh perancangan bandar dan desa dan mengenai apa-apa perkara yang dirujuk oleh Majlis kepadanya;
- (e) untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan setiap Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan perancangan bandar dan desa.

4. Rancangan Korporat Jabatan ke-15 yang telah diadakan pada 19 hingga 20 Oktober 2022 juga telah bersetuju memperkasa **peranan ketua pengarah selaku ketua perkhidmatan dalam sebuah organisasi** yang memainkan peranan dalam melaksanakan Akta 172 seperti di para 3 di atas di samping mengukuhkan kedudukan ketua pengarah sebagai **ketua profesion perancangan bandar dan desa** di Malaysia.

5. Sehubungan dengan itu, penetapan penggunaan gelaran jawatan ketua pengarah adalah seperti berikut:

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa

6. Contoh penulisan gelaran jawatan ketua pengarah adalah seperti berikut:

(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

8. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 6, Blok F5, Kompleks F, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 PUTRAJAYA

(u.p. : Bahagian Korporat)

No. Tel : 03-8091 0000

No. Faks : 03-8091 0455

PENUTUP

9. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PLANMalaysia Ibu Pejabat, semua PLANMalaysia Negeri dan semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)

21 Oktober 2022

s.k. Semua Pengarah PLANMalaysia Negeri
Semua Pengarah Pejabat Projek Zon
Semua Pengarah Bahagian PLANMalaysia